

KHUTBAH JUMAAT

“KEMULIAAN DAN KEISTIMEWAAN ZULHIJJAH”

(7 Jun 2024M/ 29 Zulkaedah 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hidup kita di dunia ini ibarat pelayaran di lautan yang luas. Setiap daripada kita adalah nakhoda yang mengemudi bahtera kehidupan menuju pelabuhan yang abadi. Dalam pelayaran ini, kita sering berhadapan dengan pelbagai badai dan gelombang ujian yang menguji keimanan dan ketabahan kita. Namun, dengan berpegang teguh kepada Islam yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah melalui huraiyan ulama yang muktabar, kita akan mampu mengharungi segala cabaran dengan tenang dan selamat.

Marilah kita panjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah *subhanahu wata'ala*, kerana dengan rahmat dan kasih sayang-Nya kita masih diberi peluang untuk berkumpul di rumah-Nya yang mulia ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*, ahli keluarganya, para

sahabatnya, serta mereka yang mengikuti jejak langkah baginda hingga ke hari kiamat.

Hadirin yang dirahmati Allah,

Pada hari yang penuh keberkatan ini, marilah kita merenung sejenak nikmat-nikmat yang Allah *subhanahu wata'ala* telah kurniakan kepada kita. Kehidupan kita di dunia ini adalah sementara, dan setiap detik yang berlalu tidak akan kembali. Setiap hela nafas yang kita hirup adalah pinjaman daripada Allah *subhanahu wata'ala*, dan setiap langkah yang kita ambil haruslah menuju kepada keredhaan-Nya. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam Surah Al-An'am, ayat 160:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ، عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ (١٦٠)

Maksudnya: Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikit pun).

Betapa besar kasih sayang Allah *subhanahu wata'ala* terhadap hamba-Nya. Setiap kebaikan yang kita lakukan akan dikurniakan dengan pahala yang berlipat ganda, manakala setiap kesalahan yang kita lakukan hanya dibalas setimpal dengan perbuatannya. Namun, janganlah kita merasa selesa dengan rahmat-Nya sehingga kita lupa akan tanggungjawab kita sebagai hamba-Nya.

Sebagai hamba Allah yang beriman, kita hendaklah sentiasa mencari keredaan-Nya dan berlindung di bawah naungan rahmat-Nya sentiasa. Hari ini, marilah kita menelusuri satu tema yang penting dalam kehidupan kita sebagai muslim, iaitu ***“Kemuliaan Dan Keistimewaan Zulhijjah”***. Tajuk ini akan menjadi obor yang menerangi perjalanan kita dan payung yang melindungi kita daripada panasnya fitnah dunia. Semoga dengan mendengar dan menghayati khutbah ini, kita akan lebih memahami makna sebenar kehidupan dan lebih dekat kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hari ini adalah hari terakhir kita berada dalam bulan Zulkaedah. Bermula pada esok hari, kita akan memasuki bulan Zulhijjah, bulan yang juga memiliki beberapa kelebihan, keistimewaan dan keutamaan. Sepuluh hari pertama dari bulan Zulhijjah merupakan antara hari yang paling utama berbanding dengan hari-hari yang lain. Baginda *sallallahu alaihi wasallam* menganjurkan untuk memperbanyakkan amalan soleh pada hari-hari tersebut. Semua amalan soleh yang dikerjakan pada sepuluh hari ini lebih dicintai oleh Allah *subhanahu wata'ala* daripada amalan-amalan soleh yang dikerjakan pada selain hari-hari tersebut.

Hal ini menunjukkan betapa utamanya amalan soleh pada hari tersebut dan betapa besar ganjaran pahalanya. Amalan-amalan soleh yang dilakukan pada sepuluh hari tersebut akan diberikan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda banyaknya. Daripada

Abdullah bin Abbas *radiallahu anhuma* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((مَا مِنْ أَيَّامٍ الْعَمَلُ الصَّالِحُ فِيهَا أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ)) يَعْنِي أَيَّامَ الْعَشْرِ. قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ وَلَا الْجِهادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ؟ قَالَ : ((وَلَا الْجِهادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ)) قَالَ: ((إِلَّا رَجُلٌ خَرَجَ بِنَفْسِهِ وَمَالِهِ فَلَمْ يَرْجِعْ مِنْ ذَلِكَ بِشَيْءٍ))

((*Tiada hari-hari yang amalan soleh yang paling disukai oleh Allah untuk dilakukan melainkan hari-hari ini*)) - iaitu sepuluh hari terawal Zulhijjah-. Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, Walaupun jihad pada jalan Allah tidak dapat menandinginya?" Baginda bersabda: ((Walaupun jihad pada jalan Allah tidak dapat menandinginya)). Baginda meneruskan sabdanya: ((Melainkan seorang lelaki yang keluar berjihad bersama hartanya, kemudian dia langsung tidak kembali.))

(*Hadis riwayat Imam Abi Daud*)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Antara kemuliaan dan keistimewaan sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah ialah:

Pertama: Allah *subhanahu wata'ala* bersumpah dengan sepuluh hari tersebut sepetimana firman-Nya dalam surah al-Fajr, ayat 1-2:

وَالْفَجْرِ (۱) وَلَيَالٍ عَشْرِ (۲)

Maksudnya: Demi waktu fajar; Dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah).

Berdasarkan ayat tadi, yang dimaksudkan dengan “malam yang sepuluh” ialah sepuluh hari pertama dari bulan Zulhijjah, sebagaimana yang dikatakan oleh Ibnu ‘Abbas dan Ibnu al-Zubair *radiallahu anhum* dan beberapa ulama lain.

Kedua: Allah *subhanahu wata'ala* memerintahkan untuk memperbanyak bertasbih, bertahlil dan bertahmid. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Haj, ayat 28:

لَيَشْهُدُوا مَنَفِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَى مَا رَزَقَهُمْ
مَّنْ بَهِيمَةٌ الْأَنْعَمُ—فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ (٢٨)

Maksudnya: Supaya mereka menyaksikan pelbagai perkara yang mendatangkan berbagai-bagi manfaat bagi mereka dan supaya mereka menyebut nama Allah pada hari yang telah ditentukan atas rezeki yang telah diberikan Allah kepada mereka berupa binatang ternak (untuk dijadikan korban). Maka makanlah sebahagian daripada (daging) binatang korban itu dan sebahagian lagi berikanlah untuk dimakan orang yang susah dan fakir.

Disyariatkan untuk bertakbir, bertahmid dan bertahlil pada 10 hari pertama Zulhijjah ini. Daripada Ibnu Umar *radiallahu anhuma* secara marfu':

((مَا مِنْ أَيَّامٍ أَعْظَمَ عِنْدَ اللَّهِ وَلَا أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنَ الْعَمَلِ فِيهِنَّ مِنْ هَذِهِ
الْأَيَّامِ الْعَشْرِ، فَأَكْثَرُوا فِيهِنَّ مِنَ التَّهْلِيلِ وَالتَّكْبِيرِ وَالتَّحْمِيدِ))

Maksudnya: Tidak ada hari-hari yang lebih besar di sisi Allah dan tiada hari yang amalan soleh dilakukan padanya yang lebih dicintai oleh Allah daripada 10 hari ini (iaitu 10 hari pertama Zulhijjah). Maka hendaklah kamu memperbanyakkan bertahlil, bertakbir dan bertahmid.

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

Disyariatkan juga untuk bertakbir setelah Solat Subuh pada Hari Arafah hingga akhir Hari Tasyriq.

Ketiga: Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersaksi bahawa sepuluh hari tersebut termasuk hari-hari yang paling utama di dunia. Daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhuma* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَا الْعَمَلُ فِي أَيَّامِ الْعَشْرِ أَفْضَلُ مِنَ الْعَمَلِ فِي هَذِهِ). قَالُوا: وَلَا
الْجِهَادُ؟ قَالَ: وَلَا الْجِهَادُ، إِلَّا رَجُلٌ خَرَجَ يُخَاطِرُ بِنَفْسِهِ وَمَا لِهِ فَلْمَ
يَرْجِعُ بِشَيْءٍ))

Maksudnya: Tiada hari-hari amalan yang dilakukan padanya menjadi afdal berbanding sepuluh hari awal Zulhijjah. Para sahabat bertanya: "Walaupun jihad pada jalan Allah (tidak dapat menandinginya)? ((Walaupun jihad pada jalan Allah tidak dapat menandinginya, melainkan seorang lelaki yang keluar berjihad bersama hartanya, kemudian dia langsung tidak kembali.))

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Keempat: Ibadah haji, umrah dan Hari Arafah, iaitu kemuncak

kepada ibadah haji. Tidak sah apabila tidak wukuf di Arafah. Abdul Rahman bin Ya'mar *radiallahu anhu* meriwayatkan hadis Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang berbunyi:

((الْحَجُّ عَرَفَةُ ...))

Maksudnya: *Haji itu wukuf di Arafah ...*

(*Hadis riwayat Imam al-Tirmizi*)

Pada waktu ini juga, sebahagian jemaah dari Malaysia, mungkin juga ada kalangan ahli keluarga kita, telah pun berada di Tanah Suci untuk melaksanakan ibadah haji. Marilah kita mendoakan kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan mereka untuk melaksanakan Rukun Islam yang kelima ini. Semoga mereka semua mendapat haji yang mabruk.

Kelima: Hari Raya Aidiladha dan pelaksanaan ibadah korban. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Kautsar, ayat 2:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحِرْ (٢)

Maksudnya: “Maka dirikanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai tanda bersyukur).

Diingatkan juga, bagi sesiapa yang melakukan ibadah korban, disunatkan untuk tidak memotong kuku, dan rambutnya apabila masuknya 1 Zulhijjah sehingga disembelih haiwan korbannya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Selain itu juga, kita sangat dianjurkan untuk berpuasa terutamanya pada hari kesembilan bulan Zulhijjah. Daripada Abi Qatadah

radiallahu anhu bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((... صِيَامُ يَوْمِ عَرْفَةَ أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ
وَالسَّنَةِ الَّتِي بَعْدَهُ (...))

Maksudnya: ... *Puasa pada hari Arafah (9 Zulhijjah), aku berharap kepada Allah, Dia akan menghapuskan (dosa) satu tahun sebelumnya dan satu tahun setelahnya ...*

(*Hadis riwayat Imam Muslim*)

Jumhur ulama berpendapat bahawa dosa-dosa yang dihapus dengan puasa Arafah ini iaitu dosa-dosa kecil. Adapun dosa-dosa besar, maka wajib bertaubat kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Seterusnya, kita dianjurkan untuk terus memperbanyakkan amal-amal soleh dan ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala* seperti bersedekah, membaca al-Quran, berbakti kepada kedua ibu bapa dan lain-lain lagi.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati beberapa pengajaran penting daripada khutbah yang disampaikan, antaranya:

Pertama: Bulan Zulhijjah memiliki beberapa keistimewaan dan keutamaan yang perlu kita manfaatkan dengan melaksanakan amal-amal soleh yang dianjurkan.

Kedua: Terdapat banyak amalan soleh yang boleh kita lakukan pada 10 hari pertama Bulan Zulhijjah sebagaimana yang telah diajarkan oleh Baginda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

Ketiga: Begitu banyak tawaran dan ganjaran bagi hamba-hamba yang melakukan amal soleh menunjukkan betapa kasih-Nya Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita dan supaya kita merebut peluang yang ada untuk mencapai redha-Nya.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Ankabut, ayat 69:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
وَالَّذِينَ جَاهُدُوا فِينَا لَنَهَدِيَنَّهُمْ سُبْلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ (٦٩)

Maksudnya : *Dan orang yang berjihad dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, maka Kami akan tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan). Dan sesungguhnya, (pertolongan dan bantuan) Allah diberikan kepada orang yang berbuat baik.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
وَالَّذِكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ . أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ رَبِّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebagai penutup khutbah kedua, marilah kita memperbanyakkan istighfar dan memohon keampunan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengampuni segala dosa kita dan menerima segala amalan kita. Marilah kita juga berdoa untuk kebaikan umat Islam di seluruh dunia agar mereka sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah *subhanahu wata'ala*.

Khatib juga menyeru agar kita terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قال الله تعالى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمَهْدِيْنَ، سَادَاتِنَا أَيُّهُ بَكْرٌ وَعُمَرٌ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara

kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dada. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.